



TOWARDS A WORLD CLASS UNIVERSITY

&

KEARAH UNIVERSITI BERTARAF DUNIA

Pembentukan Kekayaan
Wealth Creation

Pembangunan Negara
Nation Building



Kandungan • Contents

2	Misi dan Matlamat • Mission and Objectives
3	Struktur Organisasi • Organisational Structure
4	Lembaga Pengarah • Board of Directors
5	Pengurusan • Management
6	Laporan Naib Canselor • Vice Chancellor's Report
19	Pengajaran dan Pembelajaran • Teaching and Learning
26	Penyelidikan dan Pembangunan • Research and Development
34	Infrastruktur Penyelidikan • Research Infrastructure
37	Kegemilangan Penyelidikan Bertaraf Dunia • World-Class Research Excellence
39	Khidmat Runding Cara • Consultancy Services
43	Pengurusan Berkualiti • Quality Management
46	Pengurusan Infrastruktur • Infrastructure Management
48	Sumber Informasi • Source of Information
50	Jejak Kegemilangan • Path to Excellence
59	Diari Peristiwa – • Diary of Events –
60	– Memorandum Persefahaman • Memorandum of Understanding
61	– Lawatan Rasmi Luar Negara • Official Visits – Visitors from Abroad
64	– Lawatan Rasmi Dalam Negeri • Official Visits – Visitors from within Malaysia
68	– Pameran dan Promosi Pendidikan • Educational Exhibitions and Promotions
71	– Seminar, Persidangan, Bengkel, Kursus • Seminars, Conferences, Workshops, Courses
83	Prestasi Kewangan • Financial Performance
89	Laporan Kewangan • Financial Report



Misi dan Matlamat • Mission and Objectives

Wawasan Universiti ialah untuk menjadi Universiti bertaraf dunia

The University's vision is to be a world class university

“Misi Universiti adalah menjadi Pusat Pembelajaran dan Penyelidikan yang unggul, yang memberikan sumbangan bukan sahaja kepada kemajuan manusia dan penerokaan ilmu, tetapi juga kepada pembentukan kekayaan dan pembangunan negara.”

“The University's mission is to be a leading Centre of Learning and Research, contributing not only towards human advancement and discovery of knowledge but also to the creation of wealth and nation building.”

UPM telah menetapkan lapan matlamat untuk merealisasikan wawasannya. Setiap matlamat tersebut mempunyai objektif khusus, iaitu dalam bentuk yang boleh diukur pencapaiannya. Pencapaian setiap objektif bergantung kepada pelaksanaan strategi dan pelan tindakan masing-masing. Kelapan-lapan matlamat tersebut adalah seperti berikut :


- Melahirkan graduan yang berkualiti, berdaya saing dan berupaya untuk terus maju melalui pembelajaran yang berterusan;
- Menjadikan UPM, Universiti yang terkemuka dalam bidang penyelidikan;
- Meningkatkan keupayaan UPM sebagai pusat pengajian dan perkhidmatan pertanian dan biosumber terkemuka di peringkat antarabangsa;
- Memantapkan sistem pengurusan berkualiti yang cekap dan berkesan, telus dan mesra pelanggan;
- Membangunkan sumber manusia serta persekitaran profesional yang cemerlang;
- Membudayakan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) melalui e-Universiti;
- Menjana dan mengurus sumber kewangan Universiti secara cekap dan berkesan; dan
- Meningkatkan kedudukan UPM sebagai Pusat Perkhidmatan Pembangunan Profesional dan Pendidikan Lanjutan.



UPM has established eight (8) goals to realize its vision. Each goal has its own specific objectives. The achievement of each objective depends on the execution of the respective action plans. The eight goals are as follows :

- To produce quality graduates who are competitive and resilient through lifelong learning.
- To transform UPM into a renowned research university.
- To upgrade UPM as a renowned centre of learning, agricultural and bio-resources services internationally.
- To enhance a quality management system that is effective, efficient, transparent and client-friendly.
- To develop and create excellent human resources and professional environment.
- To promote an Information and Communication Technology (ICT) culture through e-University.
- To effectively generate and manage University Financial Resources.
- To establish UPM as the Centre of Professional Development Services and Continuing Education.

Struktur Organisasi • Organisational Structure



Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi / Faculty of Modern Languages and Communication

Fakulti Ekologi Manusia / Faculty of Human Ecology

Fakulti Ekonomi dan Pengurusan / Faculty of Economics and Management

Fakulti Kejuruteraan / Faculty of Engineering

Fakulti Pengajian Pendidikan / Faculty of Educational Studies

Fakulti Perhutanan / Faculty of Forestry

Fakulti Pertanian / Faculty of Agriculture

Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan / Faculty of Medicine and Health Sciences

Fakulti Perubatan Veterinar / Faculty of Veterinary Medicine

Fakulti Rekabentuk dan Senibina / Faculty of Design and Architecture

Fakulti Sains dan Pengajian Alam Sekitar / Faculty of Science and Environmental Studies

Fakulti Sains Komputer dan Teknologi Maklumat / Faculty of Computer Science and Information Technology

Fakulti Sains Makanan dan Bioteknologi / Faculty of Food Science and Biotechnology

Pusat Pengajian Siswazah / School of Graduate Studies

Pusat Pengajian Siswazah Pengurusan / Graduate School of Management

Pusat Program Luar / External Programme Centre

Pusat Islam / Islamic Centre

Pusat Kebudayaan dan Kesenian SSAAS / SSAAS Arts and Cultural Centre

Pusat Pengurusan Penyelidikan / Research Management Centre

Pusat Pembangunan Perniagaan / University Business Centre

Institut Biosains / Institute of Bioscience

Institut Multimedia dan Perisian / Institute of Multimedia and Software

Institut Pendidikan dan Pembelajaran Jarak Jauh / Institute for Distance Education and Learning

Institut Pengajian Komuniti dan Keamanan / Institute for Community and Peace Studies

Institut Teknologi Maju / Institute for Advanced Technology

Taman Pertanian Universiti / University Agriculture Park

Kampus Cawangan Bintulu / Bintulu Branch Campus



**CANSELOR
CHANCELLOR**

Tun Dato' Seri (Dr.) Haji Hamdan Sheikh Tahir
S.M.N., P.S.M., D.U.P.N., D.P., D.P.M.N., K.M.N.,

**PRO-CANSELOR
PRO-CHANCELLORS**

Tan Sri Dato' Haji Hashim Aman
*P.M.N., P.S.M., S.S.S.A., D.P.M.K., D.S.N.S.,
D.P.M.J., D.C.S.M., J.M.N.*



Tan Sri Dato' Thong Yaw Hong
*P.S.M., S.I.M.P., D.I.M.P., J.M.N., S.M.P.,
J.B.S., A.M.N.*

Lembaga Pengarah • Board of Directors



**PENGERUSI
CHAIRMAN**

Y.Bhg. Datuk Ramly Ahmad

**ANGGOTA
MEMBERS**

Y.Bhg. Profesor Dato' Dr. Ir. Mohd. Zohadie Bardaie
- Naib Canselor

Y.Bhg. Dato' Ambrin Buang

Dr. Wan Abdul Aziz Wan Abdullah

Y.Bhg. Datuk Dr. Abdul Aziz Sheikh Abdul Kadir

Y.Bhg. Datuk Haji Isahak Mohd. Yusuf

Y.Bhg. Dato' Dr. Noor Laily Dato' Abu Bakar

Y.Bhg. Datuk Patrick Lim Soo Kit

Pengurusan • Management



NAIB CANSELOR **VICE CHANCELLOR**

Prof. Dato' Dr. Ir. Mohd. Zohadie Bardaie
Dip. Agric. (Malaya), B.S., M.S. (California, Davis), Ph.D. (Cornell), M.I.E.M., P.Eng.

TIMBALAN-TIMBALAN NAIB CANSELOR **DEPUTY VICE-CHANCELLORS**

Hal Ehwal Akademik **Academic Affairs**

Prof. Dr. Muhamad Awang
J.S.M., Drs. (ITB), Ph.D. (Sheffield)

Pembangunan **Development**

Prof. Madya Dr. Makhdzir Mardan
Dip. Agric. (UPM), B.S., M.S. (Louisiana State), Ph.D. (Guelph)

Hal Ehwal Pelajar **Student Affairs**

Prof. Madya Dr. Haji Idris Abdol
S.S.A., D.S.M., K.A.T., P.K., Dip. Agric. (Malaya), B.S., M.S., Ph.D. (Louisiana State)

Pendaftar **Registrar**

Kamalul Aripin Musa
B.A.(Hons) (Malaya)

Bendahari **Bursar**

Hajah Noormah Haji Mohamed
A.M.N., Corporation of Secretaries (UK), ADIA (ITM), R.A.(M)

Ketua Pustakawan **Chief Librarian**

Kamariah Abdul Hamid
A.L.A. (London), M.L.S. (Hawaii)

Laporan Naib Canselor • Vice Chancellor's Report



Pada 21 Mei 2001 genaplah 70 tahun kewujudan sebuah Institusi Pendidikan yang sentiasa mengorak langkah ke hadapan untuk mempertingkatkan tahap pencapaian akademik dan penyelidikan. Perkembangan pesat kebelakangan ini dari sudut enrolmen pelajar, pembangunan akademik dan program-program lain telah menjadikan UPM sebagai sebuah Universiti pelbagai bidang dan disiplin. Ini sudah tentu memberikan sumbangan yang penting kepada penyediaan tenaga profesional yang lebih menyeluruh yang diperlukan oleh negara.

21st May 2001 marks the 70th Anniversary of an Institution of Higher Learning which has consistently strived towards a higher level of academic achievement and research. As a result of the intensive development in terms of student enrolment, academic development as well as other programmes, UPM has been able to dominantly position and establish itself as a multi-disciplinary University. This has inevitably paved the way for Universiti Putra Malaysia to emerge as one of the foremost institutes of learning, enabling it to positively contribute towards providing a well-rounded professional workforce needed by the nation.



Matlamat UPM

UPM beriltizam menjadi sebuah Universiti terunggul dalam bidang pembelajaran dan penyelidikan yang menyumbang bukan sahaja untuk kemajuan manusia dan penerokaan ilmu tetapi juga kepada pembentukan kekayaan dan pembangunan negara. Berlandaskan misi ini, Universiti telah menetapkan hala tuju yang jitu di dalam perancangan strategik tahun 2001-2010. Lapan (8) matlamat yang telah ditetapkan termasuk objektif dan strategi yang telah dikenal pasti iaitu :

- Melahirkan graduan yang berkualiti, berdaya saing dan berupaya untuk terus maju melalui pembelajaran yang berterusan;
- Menjadikan UPM, Universiti yang terkemuka dalam bidang penyelidikan;
- Meningkatkan keupayaan UPM sebagai pusat pengajian dan perkhidmatan pertanian dan biosumber terkemuka di peringkat antarabangsa;
- Memantapkan sistem pengurusan berkualiti yang cekap dan berkesan, telus dan mesra pelanggan;
- Membangunkan sumber manusia serta persekitaran profesional yang cemerlang;
- Membudayakan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) melalui e-Universiti;
- Menjana dan mengurus sumber kewangan Universiti secara cekap dan berkesan; dan
- Meningkatkan kedudukan UPM sebagai Pusat Perkhidmatan Pembangunan Profesional dan Pendidikan Lanjutan.

Dua perubahan ketara dalam matlamat yang ditetapkan ini. Pertama, tumpuan UPM terhadap bidang yang mempunyai kelebihan saingan dan mempunyai '*critical mass*' untuk menjadikan UPM sebagai pusat pembelajaran dan penjaan ilmu dan teknologi pertanian selaras dengan matlamat Kerajaan untuk memajukan sektor pertanian dalam Rancangan Jangka Panjang

Objectives

UPM endeavors to be a leading center of learning and research contributing not only towards human advancement and discovery of knowledge but also to the creation of wealth and nation building. Towards this end, the University has earmarked a clearly defined direction and concerted effort in coming up with strategic planning for the 2001-2010 term. An eight-prong direction has been established and strategically laid out, namely:

- To produce quality graduates who are competitive and are able to progress further through the continuous process of learning
- To establish UPM as the foremost center of research
- To further enhance the position of UPM as a dominant center of learning and a world-renowned center for agricultural and bioresource services.
- To further consolidate the efficient, transparent and client-friendly management system
- To develop human resources and create a truly professional environment
- To culturalize traits of information technology and communications via e-University
- To generate and manage the University's financial sources in the most efficient and effective manner, and
- To further enhance UPM's position as a Centre of Professional Development Services and Continuing Education.

There are two prominent changes that have been instrumental in the establishment of these objectives. Firstly, the emphasis UPM is placing on fields that provide a competitive edge and with a critical mass to make UPM a profound center of learning, generating



Ketiga. Kedua ialah menjadikan UPM sebagai pusat perkhidmatan pembangunan profesional dan pendidikan lanjutan selaras dengan keperluan pembentukan k-pekerja kesan dari perkembangan k-ekonomi.

Hala tuju UPM juga menetapkan sasaran penurunan enrolmen pelajar ijazah pertama kepada 20,000 dan peningkatan ijazah lanjutan kepada 10,000 sehingga tahun 2010, namun UPM sentiasa berhati-hati dalam menjayakannya secara berperingkat-peringkat. Tahun 2001 menyaksikan pengambilan pelajar di pelbagai pengajian seramai 8,928 (meliputi 1,916 orang di peringkat ijazah sarjana dan doktor falsafah, 5,504 orang di peringkat ijazah pertama dan 1,508 orang di peringkat diploma) berbanding 11,684 orang pada tahun 2000. Jumlah penurunan seramai 2,756 (23.5%) ini adalah seperti yang dirancang bagi menjamin kualiti dan kemudahan pengajaran yang bersesuaian dan berkesan.

Enrolmen Pelajar

Dari segi enrolmen pelajar, UPM mempunyai bilangan pelajar seramai 32,321 orang (tidak termasuk pelajar Pendidikan Jarak Jauh dan Program Kerjasama) berbanding 33,217 orang pada tahun sebelumnya. Jumlah ini menunjukkan penurunan enrolmen sebanyak 5.64% bagi ijazah pertama dan diploma berbanding enrolmen pada tahun sebelumnya.

Walau bagaimanapun, program Pengajian Siswazah menunjukkan peningkatan sebanyak 11.9% daripada 5,567 orang kepada 6,230 orang. Ini menunjukkan UPM memberi penumpuan kepada program ijazah tinggi bagi melahirkan lebih banyak penyelidik dan ramai pakar dalam pelbagai bidang.

Konvokesyen

UPM telah mengadakan konvokesyen kali ke-25 dalam tiga sidang iaitu Sidang Pertama pada

knowledge and agricultural technology in line with the Government's objective to develop the agricultural sector in the Third Long Term Plan. Secondly, to make UPM a center for professional development services and continuing education in accordance with the requirement for k-Workers to facilitate k-economy development.

The UPM direction has also determined a targeted reduction in student enrolment to 20,000 first-degree students and an increment to 10,000 for graduate students, to be implemented in stages up to the year 2010. The year 2001 saw an intake of 8,928 students in various fields of study (covering 1,916 at masters and doctorate levels, 5,504 first-degree students and 1,508 diploma students) as compared to a total of 11,684 students in the year 2000. This total reduction of 2,756 (23.5%) was implemented as planned so as to ensure course quality and the provision of appropriate as well as effective teaching facilities.

Student Enrolment

UPM currently has a total student population of 32,321 (excluding Distance Learning and Collaboration Programmes) as compared to 33,217 students in the previous year. This indicates a decreased student enrolment of 5.64% for first degree and diploma students as compared to that of the previous year.

The Graduate Studies programme, however, shows a rise of 11.9% from 5,567 to 6,230 students. This denotes UPM's emphasis on higher degree programmes in order to produce more researchers and experts in diverse fields.

Convocation

UPM convened its 25th Convocation ceremony in three sessions i.e. in February 2001, on 28-29th July 2001 and on 18-19th August



Februari 2001, kedua pada 28-29 Julai 2001 dan Sidang Ketiga pada 18-19 Ogos 2001. Pada konvokesyen tersebut UPM telah melahirkan seramai 11,291 graduan. Dari jumlah tersebut seramai 77 pelajar berjaya mendapat kepujian kelas pertama, 2,529 orang kepujian kelas kedua tinggi, 2,868 kepujian kelas kedua rendah dan 5,817 pelajar ijazah kelas ketiga. UPM juga telah menganugerahkan ijazah kehormat kepada seorang tokoh akademik.

Konvokesyen ke-25 UPM juga menyaksikan UPM melahirkan graduan sulungnya dalam program Bachelor Komunikasi dan program Bachelor Perubatan. Bachelor Komunikasi menampilkan seramai 129 pelajar yang telah berjaya menjalani pengkhususan (major) dalam disiplin perhubungan korporat, kewartawanan dan komunikasi kemanusiaan. Bachelor Perubatan pula telah menampilkan seramai 40 graduan yang telah memulakan pengajian pada 1996 lalu. Paling membanggakan ialah kurikulum program pengajian perubatan yang berasaskan kurikulum Fakulti Perubatan, *University of Nottingham* yang diubah suai untuk keperluan tempatan. Kurikulum ini telah mendapat pengiktirafan dari universiti-universiti luar negara apabila ada yang menyatakan kesudian untuk mengambil kesemua lulusan tersebut untuk bertugas di negara mereka. Menjelang 2004, Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan dijangka akan mengeluarkan lebih ramai graduannya apabila bangunan baru Fakulti bernilai RM250 juta siap kelak.

Pelajar Siswazah

UPM meletakkan tanggungjawab yang besar kepada Sekolah Pengajian Siswazahnya bagi melahirkan graduan ijazah tinggi di UPM. Seramai 1,916 pelajar telah mendaftar dalam pelbagai bidang pengajian yang menjadikan

2001. This convocation saw 11,291 students graduating from UPM, 77 of whom attained first-class honours, 2,529 at second-class upper, 2,868 at second-class lower and 5,817 at third class. UPM also conferred an honourable degree to a prominent academician.

The 25th Convocation also honoured UPM's maiden graduates in Bachelor of Communications and Bachelor of Medicine. The Bachelor of Communications programme produced 129 graduates who successfully majored in various disciplines including corporate relations, journalism and humanity communications. The Bachelor of Medicine programme produced 40 graduates who pioneered the curriculum from 1996. An even more encouraging note is that the curriculum for the programme in medicine which was based on the curriculum of the Faculty of Medicine, University of Nottingham and modified to suit local requirements, was well accepted and recognized by foreign universities. A clear testimony to this was when the graduates were offered job opportunities in those countries. By the year 2004, the Faculty of Medicine and Health Sciences is expected to 'churn' out more graduates upon completion of its RM250 million new faculty building.

Graduate Students

UPM places a great responsibility on its School of Graduate Studies to produce higher degree graduates in UPM. In 2001, a total of 1,916 students were enrolled in various fields of study, bringing the total enrolment to 6230 students as compared to a student enrolment of 5567 in the previous year, representing an increase of 11.91%. From that total, 695 students are foreign nationals from 52 different countries, i.e. 318 at the Doctorate



enrolmen pelajarnya kepada 6,230 orang dalam tahun 2001 berbanding 5,567 orang pada tahun sebelumnya iaitu peningkatan sebanyak 11.91%. Dari jumlah ini seramai 695 orang iaitu 318 orang di peringkat Doktor Falsafah dan 377 orang di peringkat Master adalah pelajar-pelajar dari 52 negara di seluruh dunia. Ini menunjukkan bahawa UPM merupakan sebuah Universiti yang mampu menawarkan program-program untuk pasaran antarabangsa dan penyelidikannya setanding dengan universiti-universiti di luar negara. Kejayaan menarik ramai pelajar antarabangsa untuk mengikuti program pengajian menunjukkan keberkesanan program promosi di pameran-pameran antarabangsa yang telah dirancang dan dilaksanakan secara teratur sepanjang tahun.

Program Jarak Jauh

UPM sentiasa menyediakan saluran pembelajaran yang pelbagai kepada masyarakat. Bagi membantu melahirkan tenaga profesional dari kalangan masyarakat yang bekerja, yang ingin mempertingkatkan tahap pendidikan mereka, Program Jarak Jauh (PJJ) yang dikendalikan oleh Institut Pendidikan dan Pembelajaran Jarak Jauh (IDEAL) merupakan salah satu saluran yang sangat popular. Walau pun permintaan untuk mengikuti 21 program (enam daripadanya program sarjana) adalah sangat tinggi, tahun 2001 hanya dapat menampung pengambilan seramai 2,988 orang menjadikan enrolmen pelajar ke program PJJ ini meningkat seramai 13,109 orang. Jumlah ini menunjukkan peningkatan pengambilan pelajar sebanyak 54.78% dan enrolmen pelajar sebanyak 30.05%. Program PJJ juga telah berjaya mengeluarkan graduan seramai 1,445 orang pada tahun 2001.

level and 377 at the Master's level of study. This augurs well for UPM as a reputable center of learning that is well positioned to offer various competitive programmes for the international market. Its success in attracting a large number of international students proves the effectiveness of the promotional programmes carried out at international educational fairs which have been planned and implemented systematically all year round.

Distance Learning Programmes (DLP)

UPM provides various channels of education for the community. The distance learning programme is another channel employed by UPM to train professional manpower, targeted at working people who wish to further their education. The Distance Learning Programme (DLP) conducted by the Institute for Distance Education and Learning (IDEAL) is indeed a popular choice. Though demand for the 21 programmes (six of which are master's programmes) offered was outstanding, in the year 2001, an intake of only 2,988 students could be accommodated, bringing the total DLP enrolment to rise to 13,109 students. This represents an increase in intake by 54.78% and a student enrolment rise of 30.05%. The DLP Programme produced 1,445 graduates in 2001.

Collaborative Programmes with Private Tertiary Colleges (IPTs)

The External Programme Centre serves as yet another channel provided by UPM to produce an educated community. This is implemented through collaboration with private tertiary colleges (IPTs). These colleges are identified at strategic locations in the vicinity of students' place of living so as to enable them



Program Kerjasama dengan IPTS

Pusat Program Luar merupakan satu lagi saluran yang disediakan oleh UPM untuk melahirkan masyarakat yang berpendidikan tinggi. Ini dilaksanakan melalui kerjasama dengan kolej-kolej swasta (IPTS). Kolej-kolej ini diwujudkan di lokasi yang strategik dan berhampiran dengan tempat kediaman pelajar bagi membolehkan pelajar memperluas pendidikan tinggi mereka di samping pendidikan yang berkualiti. Pada masa ini UPM telah bekerjasama dengan 29 kolej IPTS dengan jumlah enrolmen pelajar seramai 7,877 orang. Sebanyak 10 program Bachelor dan 10 program Diploma ditawarkan di bawah Pusat Program Luar ini. Bagaimanapun, program Diploma Sains Komputer merupakan program yang paling diminati dan menjadi pilihan utama pelajar. Ini menunjukkan keyakinan masyarakat terhadap kebolehan UPM mengendalikan program berasaskan ICT. Di samping itu UPM juga sentiasa memantau tahap pencapaian serta kualiti akademik IPTS bagi menjamin kualiti pelajar yang dihasilkan supaya sentiasa setaraf dengan pelajar-pelajar sepenuh masa di UPM. Tahun 2001 menyaksikan seramai 1,672 graduan telah dikeluarkan melalui program ini.

Program Pengurusan

Pusat Pengajian Siswazah Pengurusan (GSM) menawarkan pelbagai program pengajian siswazah dan program pembangunan eksekutif. GSM menawarkan kursus sepenuh dan separuh masa di peringkat Doktor Falsafah (Ph.D.) dan Master Sains. Pada masa ini terdapat 500 pelajar yang berdaftar di Pusat ini. Program Sarjana Pentadbiran Perniagaan (MBA) merupakan program yang menjadi pilihan utama dengan jumlah pelajar yang paling tinggi iaitu seramai 354 orang.

to pursue their education to a higher quality. To date, UPM has instituted collaboration with 29 IPTS colleges with a total enrolment of 7,877. A total of 10 Bachelor programmes and 10 Diploma programmes are being offered under the External Programme Centre. However, the Diploma in Computer Science programme appears to be the first-choice and most popular programme. This clearly reflects the trust and confidence placed by the community in UPM to conduct ICT-based courses. In addition, UPM ensures that the level of achievement and academic quality at IPTS are always maintained so as to produce students as good as UPM full-time students. A total of 1,672 graduates were produced through this programme in 2001.

Management Programme

The Graduate School of Management (GSM) offers various part-time and full-time graduate study programmes as well as executive development programmes at Doctorate (Ph.D.) and Master of Science (M.Sc.) levels. To date, there are 500 students registered with this Centre, with the Masters in Business Administration (MBA) being the most popular with 354 students.

Research

UPM has always encouraged two forms of research – basic research and applied sciences. UPM, as the largest science and technology university in Malaysia, is committed to enhancing research and development (R&D) while providing the source of manpower to meet industrial requirement. Being a multi-disciplinary institution, research in UPM is not only confined to generating new knowledge but is also geared towards accelerating development and technology transfer. As an R&D agency that receives the largest grant in



Penyelidikan

UPM sentiasa menggalakkan dua bentuk penyelidikan iaitu penyelidikan asas dan sains gunaan. Sebagai sebuah Universiti Sains dan Teknologi yang terbesar di Malaysia, komitmen UPM adalah untuk meningkatkan penyelidikan dan pembangunan (P&P) dan menyediakan sumber tenaga kerja untuk keperluan industri. Dengan mengambil pelbagai disiplin, penyelidikan di UPM bukan sahaja menjana pengetahuan baru tetapi juga mempercepat pembangunan dan pemindahan teknologi. Sebagai sebuah agensi P&P yang menerima peruntukan terbesar di Malaysia, UPM melalui IRPA (*Intensification of Research Priority Area*) memberi tumpuan penyelidikan meliputi sembilan sektor terutama Agroindustri, Pembuatan, Alam Sekitar, Kesihatan, Perkhidmatan Sosial, Ekonomi, Sains Bahan dan Geosains. Untuk itu sejumlah RM10 juta telah disediakan untuk peruntukan jangka pendek bagi membiayai 1,108 projek penyelidikan asas iaitu peringkat pasca-siswazah.

UPM melalui Rancangan Malaysia Ke-7 menerima RM123.19 juta untuk membiayai 646 projek penyelidikan. UPM juga menerima bayaran sebanyak RM9.51 juta kontrak penyelidikan dan RM7.81 juta bagi bayaran perundingan. Selain itu UPM juga menerima geran penyelidikan daripada agensi-agensi tempatan dan luar negara antaranya daripada *International Atomic Energy Agency (IAEA)*, *Japan International Cooperation Agency (JICA)*, *International Plant Genetic Resources Institute (IPGRI)*, *Ministry of Housing and Local Government*, *Ministry of Agriculture*, TNB, *Malaysia Palm Oil Board (MPOB)*, FELDA, *Sapura Holdings Berhad* dan lain-lain. Bagi tahun 2001 sebanyak RM1,112,225 telah diterima untuk 27 projek.

Malaysia, UPM, via IRPA (*Intensification of Research Priority Area*) pays particular attention to research covering nine primary sectors i.e. Agro-industry, manufacturing, environment, health, social services, economics, material science and geoscience. Towards this end, a short-term allocation of RM10 million has been set aside to finance 1,108 basic research projects at post-graduate level.

A total grant of RM123.19 million was channelled to UPM through the 7th Malaysia Plan for funding 646 research projects. UPM also received RM9.51 million worth of research contracts and RM 7.81 million in consultancy payments. In addition, UPM also obtained research grants from local and foreign agencies including the *International Atomic Energy Agency (IAEA)*, *Japan International Cooperation Agency (JICA)*, *International Plant Genetic Resources Institute (IPGRI)*, *Ministry of Housing and Local Government*, *Ministry of Agriculture*, TNB, *Malaysia Palm Oil Board (MPOB)*, FELDA, *Sapura Holdings Berhad* and others. For the year 2001, a total of RM1,112,225 was received for 27 projects.

Awards

The year 2001 saw the emergence of various research materials. A total of 37 book titles and 1,728 scientific articles and conference papers were produced. Meanwhile, research products to be patented soared to 21 items. UPM's research officers continued to shine in 2001 with creditable and excellent performances in the field of research with eight of them attaining International Awards, another eight received the National Exhibition Award, twenty the UPM Invention and Research Award, six were given the Graduate Award and two received other awards.



Anugerah

Pada tahun 2001 juga banyak hasil penyelidikan telah dihasilkan. Sebanyak 37 judul buku dan 1,728 penulisan rencana-rencana saintifik dan kertas kerja persidangan dihasilkan. Sementara hasil penyelidikan telah dipatenkan. Pegawai-pegawai penyelidikan UPM juga terus menunjukkan kecemerlangan dalam penyelidikan apabila lapan orang telah menerima Anugerah Antarabangsa, lapan orang Anugerah Pameran Negara, 20 orang Anugerah Rekacipta dan Penyelidikan UPM, enam Anugerah Siswazah dan dua anugerah lain bagi tahun 2001.

Memartabatkan Pertanian

UPM juga telah menubuhkan Institut-institut penyelidikan sebagai pusat kecemerlangan. Antaranya Institut Biosains, Institut Multimedia dan Perisian, Institut Teknologi Maju, dan Institut Pengajian Komuniti dan Keamanan (PEKKA). Institut ini memfokus kepada penyelidikan pascasiswazah dengan menerima geran UPM, agensi-agensi dalam dan luar negara.

UPM telah menstrukturkan semula Taman Penyelidikan Universiti sebagai Taman Pertanian Universiti (TPU) bagi merealisasikan hasrat Universiti yang bertekad untuk memartabatkan kembali pertanian menerusi matlamat ketiga Universiti iaitu untuk 'meningkatkan keupayaan UPM sebagai pusat pengajaran dan pembelajaran, penjana ilmu dan teknologi perkhidmatan pertanian'. Penubuhan taman Pertanian Universiti ini bukan sahaja akan membantu melaksanakan rancangan pembangunan fizikal dan akademik Universiti bahkan akan memajukan kampus UPM sebagai sebuah taman pertanian ulung yang lengkap dengan taman botani, muzium pertanian (statik dan hidup) ladang/bidang usaha contoh (*showcase*), kawasan rekreasi, agropelancungan, stesen penyelidikan dan program pembangunan

Revitalising Agriculture

UPM has also established various institutes of research as centres of excellence. These include the Bioscience Institute, Institute of Multimedia and Software, Institute for Advanced Technology and Institute for Community and Peace Studies (PEKKA). All these institutes are focused on multi-disciplinary graduate research through grants received from UPM and local and foreign agencies.

UPM has restructured the University Research Park to become the University Agriculture Park (TPU). The objective is centred around efforts to realise UPM's intention to reconsolidate the field of agriculture in tandem with the University's third objective i.e. 'to enhance UPM's capability as a centre for teaching and learning and for generating knowledge and agricultural technology services'. The establishment of the University Agriculture Park (TPU) not only helps in the implementation of UPM's physical and academic development plans but also further develops the campus as the foremost agriculture park complete with a botanical garden, agriculture museum (static and live), model plantations/entrepreneurship (*showcase*), recreational area, *agro tourism*, research stations and the development of agro-technopreneur programmes aimed at realising UPM's objectives in the field of agriculture. TPU serves as the prime mover and platform for the integration of all agricultural components, while utilising an overall approach in the effort to develop and modernise the agricultural sector and food production in the country.

Reopening of Bintulu Campus

The need to focus on Diploma studies in agriculture saw the reopening of UPM Bintulu



agroteknopreneur bagi merealisasikan sebahagian besar matlamat pertanian Universiti. TPU akan bertindak sebagai jentera penggerak dan pelantar bagi integrasi kesemua komponen pertanian dengan menggunakan pendekatan menyeluruh dalam usaha membangun dan memodenkan sektor pertanian dan pengeluaran makanan negara.

Pembukaan Semula Kampus Bintulu

Bagi memfokuskan pengajian Diploma dalam bidang pertanian, UPM Kampus Bintulu telah dibuka semula. UPM Kampus Bintulu akan dijadikan sebagai pusat pendidikan wilayah yang penting bagi pembangunan persekitaran intelektual, sumber tenaga dan sosioekonomi Daerah Bintulu khasnya dan Sarawak amnya. Fokus UPM Kampus Bintulu adalah kepada sektor pertanian menerusi penggabungan bidang-bidang pengeluaran, pemprosesan serta pengurusan perniagaan dengan mengambil kira dimensi lain yang penting seperti alam sekitar dan teknologi maklumat. Program akademiknya telah dimulakan pada Sesi November 2001/2002 dengan pembukaan Fakulti Sains Pertanian dan Makanan. Tiga program yang ditawarkan di bawah Fakulti ini ialah Diploma Pertanian, Diploma Perhutanan, dan Diploma Kejuruteraan (Keselamatan dan Kecemasan) dengan jumlah enrolmen seramai 242 orang.

Pembangunan ICT

Pembangunan pesat dalam Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT) memberi implikasi yang ketara terhadap pengajaran, pembelajaran, pendidikan dan penyelidikan. Universiti akan ketinggalan sekiranya gagal mengintegrasikan ICT dalam setiap prosesnya. Selaras dengan hasrat ini dan hala tuju yang telah ditetapkan UPM telah mewujudkan program e-Universiti bagi meningkatkan keberkesanan dan kecekapan fungsi utama Universiti. e-Universiti merangkumi

Campus. This campus will be an important regional center of learning, contributing to the development of intellectual environment, manpower and socio-economy of Bintulu District in particular and of Sarawak generally. UPM Bintulu Campus focuses primarily on the agricultural sector with emphasis on fields of production, processing and business administration while taking into account other vital dimensions such as the environment and information technology. Its academic programmes commenced in the November 2001/2002 Session with the opening of Faculty of Agricultural Science and Food. Three programmes offered under this faculty are Diploma in Agriculture, Diploma in Forestry and Diploma in Engineering (Safety and Emergency) with a total enrolment of 242 students.

ICT Development

Vigorous development in the field of Information Technology and Communications (ICT) indeed has a pronounced impact on teaching, learning, education and research. UPM realizes that it will lag behind the others should it fail to integrate the processes involved in its stride. In line with this objective as well as the predetermined direction, UPM has introduced E-University programme for the purpose of improving the effectiveness and efficiency of the university's main functions. E-University encompasses digital teaching, learning, research, professional services and management. Lecturers have also offered on-line lectures to students. In order to manage strategically, ICT will be used to support all main administrative functions, thus enhancing productivity and providing quality services to UPM's clients.



pengajaran, pembelajaran, penyelidikan, perkhidmatan profesional dan pengurusan secara digital. Pensyarah Fakulti juga telah mengadakan kuliah 'on-line' kepada pelajar-pelajar. Untuk mengurus secara strategik, ICT akan digunakan untuk membantu semua fungsi utama supaya pembudayaan ICT dapat meningkatkan produktiviti dan menyediakan perkhidmatan yang berkualiti kepada pelanggan Universiti.

Pengurusan Berkualiti

Dalam menghasilkan sistem pentadbiran yang berkualiti dan terunggul di dunia, sudah pasti UPM memberikan komitmen yang bersungguh-sungguh untuk melaksanakannya. Komitmen ini tercatat pada salah satu matlamat yang ditetapkan oleh Universiti iaitu 'memantapkan sistem pengurusan berkualiti yang cekap dan berkesan, telus dan mesra pelanggan'. Ini dilaksanakan apabila UPM melancarkan Piagam Pelanggan pada Bulan Kualiti 2001 dan Fakulti Kejuruteraan telah dianugerahkan Sijil Pendaftaran Sistem Kualiti ISO 9001. Penganugerahan ini mencatat sejarah apabila menjadi Fakulti Kejuruteraan IPTA yang pertama mendapat pengiktirafan mengenainya. UPM bertekad untuk meneruskan tradisi kualitinya kepada semua Fakulti dan pusat pentadbirannya secara berperingkat-peringkat.

Pengurusan Sumber Manusia

Bagi mempertingkatkan kualiti akademik dan pentadbirannya, pengurusan sumber manusia perlulah cekap dan terancang supaya ianya sentiasa berada di atas landasan yang telah ditetapkan. Sehubungan itu, pada 2001, seramai 259 orang telah dilantik mengisi jawatan kosong yang terdiri daripada 182 jawatan Kumpulan Pengurusan dan Profesional (KPP) dan 77 jawatan kumpulan sokongan. Sementara itu seramai 74 orang telah dilantik ke jawatan secara

Quality Management

UPM is fully committed to providing an administrative system of quality. This commitment is reflected in one of UPM's objectives, i.e. 'to further consolidate the efficient, transparent and client-friendly management system'. This objective has been achieved when UPM launched its Client's Charter during the Quality-Month of 2001 and the prestigious ISO 9001 Quality Systems Certification are awarded to the Faculty of Veterinary Medicine (Jan 2000), and the Faculty of Engineering (August 2001). Indeed this achievement will go down in history as the first ever engineering faculty in a public institution of higher learning to have attained such a prestigious certification. UPM aims to gradually perpetuate its tradition of quality in all faculties and in its administrative center.

Human Resource Management

Academic and administrative quality can only be sustained with a sound and well-orchestrated human resource management system in place. Towards this end, in 2001, 259 personnel have been appointed to fill vacancies covering 182 positions in the Management and Professional Category and 77 in the support group. Meanwhile, 74 personnel are appointed on contract basis to supplement the shortage of permanent positions. These appointments smoothen the carrying out of activities geared towards academic excellence.

UPM has always ensured that vacancies for promotions are filled accordingly. A total of 52 personnel have been promoted, 55 retired and study leave have been approved for 121 personnel, 55 of whom are pursuing Ph.D. programmes and 18 undergoing Master's programmes abroad. Within Malaysia, 10 (Ph.D. programme) and 24 (Masters



kontrak bagi menampung kekurangan jawatan tetap untuk memastikan kelicinan aktiviti yang menyokong kecemerlangan akademik.

UPM juga memastikan kekosongan jawatan kenaikan pangkat dipenuhi sewajarnya. Dengan itu seramai 52 orang telah dinaikkan pangkat, 55 orang telah bersara, dan 121 orang telah diluluskan cuti belajar. Dari jumlah cuti belajar yang diluluskan seramai 55 orang mengikuti program Ph.D. dan 18 orang mengikuti program Master bercuti belajar di luar negara, 10 orang (program Ph.D.) dan 24 orang (program Master) bercuti belajar dalam negeri, tiga orang (program B.Sc.) bercuti belajar separuh gaji dan 13 orang (program B.Sc.) mendapat pelepasan belajar. Sebagai menghargai perkhidmatan cemerlang pegawai-pegawainya UPM juga telah menganugerahkan Perkhidmatan Cemerlang kepada seramai 194 pegawainya yang telah menunjukkan perkhidmatan cemerlang dalam membantu UPM menjayakan misinya sepanjang tahun 2001.

Pembangunan Fizikal

UPM sentiasa mengimbangkan pembangunan fizikalnya dengan pertambahan bilangan pelajar supaya semua kemudahan yang disediakan memberi keselesaan dan mencukupi untuk melahirkan pelajar yang berkualiti dan cemerlang. Sehubungan itu pada Jun 2001, UPM telah berjaya menyiapkan beberapa projek penting dalam rancangan Malaysia Ke-7 (RMK 7). Antaranya ialah Kompleks Kejuruteraan dan Teknologi, dan bangunan tambahan Fakulti Perubatan dan Sains kesihatan. Sementara itu UPM meneruskan pelaksanaan projeknya di bawah Rancangan Malaysia Ke-8 iaitu pembinaan Hospital Pengajian Veterinar (Fasa 1), menaiktaraf persekitaran Masjid dan persimpangan menuju Kolej 10 dan Kolej 11. Pemberian Kerajaan bagi maksud pembangunan yang diterima oleh UPM bagi tahun 2001

(programme) are on study leave, 3 (B. Sc. programme) on half-pay study leave, 13 (B. Sc. programme) are allowed time-off for study. As a gesture of appreciation, UPM has also presented the Excellent Service awards to 194 officers, a clear testimony advocating the fact that excellent service contributed by the workforce has paved the way for UPM to chalk-up an impressive performance throughout the year 2001.

Physical Development

UPM has always struck a healthy balance between physical development and increase in student population so as to ensure that the existing facilities can be optimally utilised to produce quality and versatile graduates. With this in mind, in June 2001, UPM successfully completed numerous vital projects as provided for in the 7th Malaysia Plan (RMK 7). These include the Engineering and Technological Complex, and an annex to the Faculty of Medicine and Health Sciences. Meanwhile, UPM continues to carry out development projects under the 8th Malaysia Plan e.g. the construction of the Veterinary Studies Hospital (Phase 1), and upgrading the areas around the mosque and the junction leading to the 10th and 11th Colleges. A development grant of RM92,000,000 was received by UPM from the government for the year 2001 but its expenditures amounted to RM106,503,018. The above deficit in income totaling to RM13,612,22 was financed by the Development Fund.

External Linkages

UPM actively pursues various activities with particular attention to fostering linkages with various agencies by establishing collaborative programmes in the Industrial, Private and Public sectors as well as foreign universities,



ialah sebanyak RM92,000,000, manakala perbelanjaan ialah sebanyak RM106,503,018. Kekurangan pendapatan di atas perbelanjaan sebanyak RM13,612,22 telah dibiayai dari Kumpulan Wang Pembangunan.

Hubungan Luar

UPM bergerak aktif dalam memperkukuh hubungan dengan pelbagai pihak melalui kerjasama di sektor Industri, Swasta dan Awam juga dengan universiti-universiti luar negara terutama dalam bidang pengajaran, penyelidikan, pembangunan teknologi dan teknologi maklumat. Untuk tujuan itu UPM telah menandatangani sebanyak 13 Memorandum Persefahaman (MoU)/Perjanjian Kerjasama sepanjang 2001. Sementara itu seramai 77 delegasi dari luar negara dan 115 pelawat dari dalam negara telah berkunjung ke UPM bagi mewujudkan kerjasama dalam bidang pengajaran dan pendidikan.

Sambutan 70 Tahun UPM

Pada memburu kecemerlangan, dalam arus globalisasi yang tanpa sempadan, tanpa disadari UPM telah pun melangkah usianya ke 70 tahun pada 21 Mei 2001. Sambutan mengenainya telah berlangsung selama satu (1) tahun bermula pada 21 Mei 2001 hingga Mei 2002. Sambutan pada kali ini yang bertemakan 'Jejak-Jejak Kegemilangan' adalah bertujuan untuk :

- (i) Menonjolkan (*highlight*) kewibawaan UPM sebagai institusi pengajian tinggi yang banyak melahirkan pemimpin masyarakat yang cemerlang dan berdaya saing.
- (ii) Memaparkan jejak-jejak kegemilangan dari aspek pengajaran dan penyelidikan dan khidmat profesional dalam pembangunan UPM dari bermulanya penubuhan Sekolah Pertanian (1931) hingga Universiti Putra Malaysia kini.

particularly in the fields of teaching, research, technological advancement and information technology. Towards this end, 13 Memorandums of Understanding (MoU)/ Collaboration Agreements were entered into by UPM in the year 2001. Meanwhile, 77 foreign delegates and 115 visitors from within Malaysia visited UPM to establish cooperation in teaching and learning.

UPM's 70th Anniversary Celebration

While being engrossed in the quest for excellence and being subjected to the challenges of globalisation, UPM found itself celebrating its 70th anniversary on the 21st of May 2001. The celebrations were held for a period spanning one (1) year commencing on the 21st of May 2001 till May 2002. With the theme 'Path to Excellence', the celebrations were aimed at:

- (i) Highlighting UPM's integrity as an institution of higher learning which is able to produce excellent and competitive leaders of the community.
- (ii) Projecting past excellence in teaching, research and professional services in developing UPM from its humble beginning as a School of Agriculture (1931) to the current Universiti Putra Malaysia, a premier institution of learning of today.
- (iii) Maintaining excellent team spirit, cooperation and a sense of togetherness amongst the campus community and UPM alumni.
- (iv) 'Bringing home' members of the Alumni to the Campus to reminisce past challenges in the academic world while sustaining a strategic alliance for the realisation of UPM's mission.
- (v) Scrutinizing the success and achievements in teaching, research and professional



- (iii) Mengekalkan semangat berpasukan, bekerjasama, dan semangat kekitaan di kalangan warga kampus dan alumni UPM.
- (iv) Membawa kembali alumni ke Kampus bagi mengingati perjuangan dalam mengharungi cabaran dunia akademik, di samping mengekalkan pakatan strategik dalam menjayakan wawasan UPM.
- (v) Meneliti kejayaan dan pencapaian dalam bidang-bidang pengajaran, penyelidikan dan khidmat profesional dan merancang arah tuju UPM selaras dengan perancangan strategi Universiti.

Pelancarannya telah dilaksanakan oleh Yang Amat Berbahagia Tun Dato' Seri (Dr.) Haji Hamdan bin Sheikh Tahir, Canselor UPM pada 9 November 2001. Pelbagai aktiviti telah diatur sepanjang tahun bagi mencapai dan memenuhi matlamat sambutan. Sempena Sambutan 70 Tahun juga UPM telah mewujudkan Galeri UPM yang mempamerkan jejak-jejak kegemilangan UPM sejak penubuhan Sekolah Pertanian lagi. Dengan itu pelajar dan juga staf UPM dapat meneliti secara jelas sejarah dan perkembangan terkini UPM.

Akhir sekali saya mengucapkan terima kasih kepada semua pihak yang telah sama-sama membantu menjayakan kecemerlangan UPM sejajar dengan misi dan hala tuju matlamat yang ditetapkan. Semoga UPM akan terus berkembang dan maju serta berada di persada yang disegani dan dihormati dalam aspek pendidikan, penyelidikan dan pembangunan.


services while charting UPM's future direction in line with its strategic planning.

The celebration was launched by YAB Tun Dato' Seri (Dr.) Haji Hamdan bin Sheikh Tahir, The Chancellor of UPM, on the 9th of November 2001. Various activities were lined up throughout the year in conjunction with the celebrations. In conjunction with the 70th Anniversary celebration, the UPM Gallery was established to exhibit UPM's glorious achievements since its inception as the School of Agriculture. This will enable UPM's students and staff to know the history and development of the University.

Finally, please allow me to place on record my sincere appreciation and gratitude to all who have contributed in one way or another towards the accomplishment of our mission and predetermined direction. It is our wish that UPM will continue to progress and develop as a leading and respected institution in all aspects of education, research and development.

Hoed Joudi

PROFESOR DATO' MOHD. ZOHADIE BARDAIE
[Ph.D., P. Eng.]
Naib Canselor / Vice-Chancellor



UPM percaya peluang mendapatkan pendidikan tinggi yang lebih luas perlu disediakan kepada pelajar yang berkelayakan di negara ini. Objektif ini boleh dicapai tanpa menjejaskan kualiti pengajaran dan pembelajaran. Dalam tempoh 1996-2000 pertumbuhan pengambilan pelajar sangat membanggakan. Kadar pertumbuhan enrolmen pelajar dalam tempoh tersebut ialah 18% setahun, iaitu daripada enrolmen 16,500 kepada 32,500.

Pencapaian ini diperoleh dengan penambahan penawaran program di peringkat ijazah pertama dan pasca siswazah, serta peningkatan produktiviti tenaga pengajar. Di samping itu, peluang juga dipertingkatkan melalui Program Luar Kampus dan Program Jarak Jauh. Rumusannya, pencapaian objektif

Pengajaran dan Pembelajaran Teaching and Learning



Greater opportunities for higher learning need to be provided for qualified students in the nation. This objective may be achieved without sacrificing teaching and learning quality. Between 1996-2000, the growth of student intake has been very encouraging. The student enrolment growth rate in the said period was 18% per year, bringing the total from 16,500 to 32,500 students.

This has been attained through an increased number of programmes offered at the bachelor's degree level and multi-disciplinary graduate studies as well as improved productivity of the teaching staff. In addition, opportunities have also been increased through Off-Campus and Distance Learning Programmes. As a result, efforts to achieve the objective of providing educational opportunities as outlined in the 1996-2000 Strategic Plan have surpassed the predetermined target.

untuk menyediakan peluang pendidikan sebagaimana yang digariskan dalam Pelan Strategi 1996-2000 melewati sasaran yang ditetapkan.

Dalam Pelan Hala tuju UPM 2001-2010, UPM akan mengurangkan enrolmen pelajar ijazah pertama secara berperingkat. Menjelang tahun 2010, enrolmen pelajar ijazah pertama akan dikurung dan dikekalkan pada tahap 20,000. Penurunan ini bertujuan untuk memperkukuh proses pemindahan pembelajaran yang suasana pembelajaran lebih kondusif boleh diadakan. Walau bagaimanapun, UPM akan meningkatkan enrolmen pelajar siswazah. Ini bersesuaian dengan langkah UPM untuk memperkukuh lagi penyelidikannya. Menjelang tahun 2010, enrolmen pelajar siswazah akan meningkat kepada 10,000 orang.

Jabatan Baru, Fakulti Ekologi Manusia

- Auxiliary services that will be made available by the end of the year:
- Automatic AFLP analysis
 - DNA microarraying
 - Plant tissue culture
 - 'On-line' PCR analysis

Institute for Advanced Technology (ITMA)

The Institute for Advanced Technology (ITMA) leads the way in research and development work in physical sciences, information technology and engineering. ITMA conducts the latest research and development

penajaan, mereka bentuk laman web, membina traktor prototaip, serta proses membawa traktor dan 20 ahli pasukan ke Amerika Syarikat.

UPM adalah pasukan pertama dari luar Amerika Utara yang menyertai pertandingan anjuran Persatuan Jurutera Pertanian Amerika Syarikat (ASAE) itu.

Kemenangan *H-Ometer*

Dua penyelidik UPM, Encik Husaini Omar dan Encik Ratnasamy Muniandy berjaya mengharumkan nama negara apabila produk ciptaan mereka *H-Ometer* berjaya memenangi Pingat Emas dalam Pertandingan Reka Cipta Antarabangsa di Pittsburgh, Amerika Syarikat. Pertandingan yang dikenali sebagai *Invention/New Product Exposition (INPEX)* yang ke-17 merupakan yang terbesar di Amerika Syarikat. Ia memberi peluang kepada seluruh pereka cipta di dunia untuk mempamerkan produk baru

dan menjalinkan perhubungan strategik dengan pihak-pihak yang berminat untuk pemasaran.

Pada pertandingan tersebut kira-kira 35 negara mengambil bahagian dalam 40 kategori yang dipertandingkan. Encik Husaini Omar dan Encik Ratnasamy Muniandy dari UPM merupakan satu-satunya wakil tunggal negara dan penyertaan ini merupakan penyertaan pertama rakyat Malaysia di INPEX.

Produk

H-Ometer menyertai pertandingan di bawah kategori *Manufacturing*. Hanya tiga pingat sahaja telah dimenangi mengikut kategori yang dipertandingkan iaitu Pingat Emas, Perak dan Gangsa tidak seperti pertandingan yang lain.

H-Meter sebelum ini pernah memenangi Pingat Emas dalam Pertandingan Reka Cipta Antarabangsa 2000, di Geneva, Switzerland.



page, construction of a prototype tractor and the process of transporting the tractor and 20 members of the team to USA.

UPM was incidentally the first team outside North America to participate in the competition organized by the Association of Agriculture Engineers (ASAE) USA.

H-Ometer Comes Out Tops

Two UPM researchers, Mr. Husaini Omar and Mr. Ratnasamy Muniandy, made Malaysia proud when their invention called *H-Ometer* won the Gold Medal at the International Inventions Exposition held in Pittsburgh, USA. The competition called the 17th Invention/New Product Exposition (INPEX) is the grandest in USA. It is an avenue for inventors of the world to exhibit their new products while at the same time fostering strategic alliances

with parties interested in marketing them.

The competition drew a participation of 35 countries, competing in 40 categories. Mr. Husaini Omar and Mr. Ratnasamy Muniandy were the only two representatives of the nation and their participation was also the first ever by Malaysians in the history of INPEX.

H-Ometer competed under the Manufacturing category. Only three medals were won according to the category of participation – Gold, Silver and Bronze.

H-Ometer has previously won the Gold Medal in the International Inventions Competition 2000 in Geneva, Switzerland.





UPM melihat perubahan struktur ekonomi sebagai satu peluang peningkatan daya saing. UPM mesti mampu bersaing dengan organisasi swasta yang menggunakan pengetahuan dan kepakaran untuk menjana pendapatan, terutamanya melalui perkhidmatan runding cara iaitu menawarkan program penyelidikan secara kontrak dan program latihan profesional. Bagi tujuan tersebut antara strategi yang termaktub dalam Hala Tuju UPM 2001-2010 ialah menjana sumber pendapatan daripada pengkomersialan hasil penyelidikan, perundingan, latihan dan perkhidmatan lain.

Melalui institusi kecemerlangannya, UPM mampu memberikan khidmat runding cara kepada mana-mana institusi awam atau swasta yang memerlukan. Antara institusi tersebut ialah Pusat Inkubator UPM-MTDC, Taman Bioteknologi, Putra Infoport yang

Khidmat Runding Cara **Consultancy Services**



As a center of knowledge and learning, UPM views changes in the economical structure as an avenue to upgrade its competitiveness. UPM is also able to compete with private organizations that use knowledge and expertise as their income-generating tools, particularly via consultancy services i.e. providing research programme on a contractual basis and professional training services. These activities are used by numerous renowned universities of the world to generate revenue. Similarly, UPM would also strive to head towards that direction. Towards this end, some of the strategies drawn up in the UPM Direction 2001-2010 are generation of an income source from the commercialization of results of research, consultancy, training and miscellaneous services.

Through its institution of excellence, UPM is in a position to

membangunkan teknologi pintar bagi membantu Koridor Raya Multimedia (MSC) dan Pusat Makanan Asia. Institut-institut lain termasuklah Institut Biosains dan Institut Teknologi Maju di samping kerja-kerja runding cara yang dijalankan oleh fakulti-fakulti di UPM.

Taman Pertanian Universiti (TPU)

Kewujudan Taman Pertanian Universiti (TPU) di UPM adalah untuk membantu serta melaksanakan rancangan pembangunan fizikal dan akademik universiti di samping memajukan kampus UPM sebagai sebuah taman pertanian ulung yang lengkap dengan taman botani, khazanah sumber genetik pertanian, muzium pertanian (statik dan hidup), ladang/bidang usaha contoh atau "showcase", kawasan rekreasi/ekopelancungan, stesen penyelidikan dan juga program pembangunan agroteknopreneur.

TPU merupakan jentera penggerak dan pelantar kepada pengintegrasian kesemua komponen pertanian dengan menggunakan pendekatan menyeluruh dalam usaha membangun dan memoden sektor pertanian dan pengeluaran makanan negara. Peranan TPU tidak berhenti setakat itu sahaja, taman ini merupakan pengendali kawasan kampus UPM bagi memastikan kawasan ini diguna dan diselenggara untuk kepentingan pembelajaran dan penyelidikan berasaskan pertanian.

TPU mempunyai empat fungsi iaitu pengajaran dan pembelajaran, penyelidikan, perkhidmatan dan "technology showcase".

- Menyediakan kemudahan dan rancangan lengkap untuk latihan praktik.
- Meningkatkan taraf kemahiran dan meluaskan pengalaman pelajar dalam perusahaan pertanian pada tahap

pendedahan, pengalaman dan kemahiran.

- Menjadikan kawasan kampus UPM sebagai Taman Ilmu dan Teknologi Pertanian
- Pelantar bagi meningkatkan perkhidmatan pertanian.
 - Pusat pengiktirafan sumber dan produk pertanian
 - Pusat pendedahan, pengalaman dan kemahiran pertanian
 - Pusat perkhidmatan pakar dan jururujuk pertanian

TPU menyediakan kemudahan penyelidikan yang lengkap di makmal, ladang dan stesen penyelidikan bagi melicinkan pelaksanaan penyelidikan dan pembangunan. Antara perkhidmatan yang ditawarkan adalah perkhidmatan tapak dan kawasan penyelidikan, bahan-bahan penyelidikan, alatan dan jentera serta pengangkutan.



successfully offer consultancy services to any public or private institution requiring such services. Such institutes include the UPM-MTDC Incubation Centre, Biotechnological Park, Putra Infoport which develops smart technology to assist in the Multimedia Super Corridor (MSC) and The Asian Food Institute. Other institutes include the Bioscience Institute and Institute for Advanced Technology, apart from consultancy work carried out by the various faculties in UPM.

The University Agriculture Park (TPU)

The establishment of the University Agriculture Park (TPU) assists in the implementation of UPM's physical and academic development plans and also further develop the campus as the foremost agriculture park which comes complete with a botanical

garden, agricultural genetics source heritage, agriculture museum (static and live), model plantations/ entrepreneurship or showcase, recreational area/agro-tourism, research stations and agroteknopreneur development programmes.

TPU serves as the prime mover and platform for the integration of all agricultural components using an overall approach in the effort of developing and modernizing the agricultural and national food production sectors. Inevitably, TPU's role does not end there. The park serves as 'keeper' of the UPM campus area so as to ensure that the area is appropriately used and maintained for the purpose of agriculture-based learning and research.

TPU's functions are four-fold; teaching and learning, research, services and technology showcase.

- Provision of facilities and comprehensive planning for practical training purposes
- Enhancement and upgrading of the level of skills and widening of student experience in the agricultural industry in terms of exposure, experience and skills.
- Turning UPM campus into an area of Agricultural Knowledge and Technology Park
- A platform of enhancement of agricultural services.
 - Centre for recognition of agricultural sources and produce
 - Centre for agriculture exposure, experience and skills
 - Centre for agriculture expert and referral services

Comprehensive research amenities are provided by TPU at the laboratories, plantations and research stations in

Peranan TPU sebagai 'Technology Showcase'

TPU mengadaptasi teknologi terkini bagi tujuan pengajaran dan penyelidikan dalam usaha membangunkan teknologi pertanian. 'Technology Showcase' menunjukkan:

- Pengurusan sebagai satu unit komersil, mencapai tahap keuntungan dan menunjukkan beberapa prinsip pengurusan perniagaan yang berjaya
- Teknologi-teknologi dan amalan-amalan pengeluaran pertanian terkini mementingkan penggunaan teknologi untuk pertanian lestari dan persis (*sustainable and precision agriculture*)
- Contoh yang baik mengenai integrasi teknik-teknik perladangan moden, pengurusan lading perhutanan (*Agro-Forestry*) dan pemuliharaan/peningkatan pelbagai kehidupan semulajadi

- Amalan-amalan ladang yang praktikal dan relevan.

Seramai 26 individu dan penyelidik dari UPM, jabatan-jabatan kerajaan dan syarikat-syarikat luar yang telah menggunakan kawasan dan kemudahan di TPU untuk tujuan penyelidikan mereka sepanjang tahun ini. Penyelidikan yang dijalankan merangkumi pelbagai disiplin terutamanya yang berkaitan pertanian.

UPM-MTDC telah meluaskan dan memantapkan operasi mereka di kawasan UPM antaranya dengan pembukaan "Server Farm" yang telah berjaya menarik minat syarikat-syarikat besar untuk menggunakan perkhidmatan yang disediakan. Putra Infoport pula telah melalui pembangunan yang pesat dengan pertambahan bilangan syarikat dan juga pertambahan unit sewaan.

Antara syarikat yang masih beroperasi di kawasan TPU ialah *Malaysian Agri Hi-Tech* (MAH). Syarikat berkenaan membuat pengeluaran dan pembungkusan di atas tanah seluas 14 ekar yang terletak di Ladang Puchong.

Antara komponen-komponen fizikal yang sedia ada dan juga yang akan dibangunkan di TPU ialah:

- Kawasan ladang dan penyelidikan di Serdang dan Puchong.
- Projek Pembangunan Kemudahan Penyelidikan Pertanian yang merangkumi Kompleks Tapak Semaian, Unit Sayuran dalam Persekitaran Terkawal, Unit Penyelidikan Tanaman Ladang, Kompleks Mekanisasi, Kompleks Pemprosesan Bijibenih dan Pascatuai, Unit Lembu Tenusu dan Kompleks Teknologi Akuakultur.
- Pusat Inkubasi Teknologi (*Technology Incubation Center*)



order to facilitate implementation of research and development endeavors. Amongst the services provided are site and research locality services, research material, equipment and transportation.

TPU's Function as 'Technology Showcase'

The TPU carries out adaptation of state-of-the-art technology for the purpose of teaching and research in its quest of developing the agricultural technology. The Technology Showcase illustrates the following:

- Management as a commercial unit, attainment of profitability and outlining numerous principles of successful business management practices
- Latest agricultural technology and practices giving particular emphasis on the use of technology in the field of sustainable and precision agriculture.

- A good example of integration of modern planting techniques, Agro-Forestry management and rehabilitation of natural life
- Practical and relevant plantation practices.

A total of 26 individuals and researchers from UPM, government departments and external companies have used the TPU area and facilities provided therein for the purpose of research throughout the year. Their research covered various disciplines especially agriculture-related subjects.

The UPM-MTDC undertook various measures to further expand and consolidate their operations within the TPU area; amongst others, opening a "Server Farm" which successfully attracted numerous established companies to make use of the facilities provided. The Putra Infoport also enjoys

rapid development with a hefty increase in the number of companies as well as an increase in rental units.

Among the companies still operating within the TPU area is *Malaysian Agri Hi-Tech* (MAH). The said company carries out its production and packaging operations on a piece of land measuring 14-acres located at Ladang Puchong.

The readily available physical components as well as those that would be developed in TPU are as follows:

- Plantation and research area in Serdang and Puchong.
- Agriculture Research Facilities Development Project comprising a Nursery Complex, Vegetable Unit in a Controlled Environment, Plantation Research Unit, Mechanization Complex, Seedling and Multi-Harvest Processing Unit, Dairy Farm Unit and Aquaculture Technology Complex.

merangkumi UPM-MTDC dan Putra Infoport.

Pusat Pembangunan Perniagaan (UBC)

Menyedari akan perkembangan pesat dalam sektor korporat dan pembangunan ekonomi, UPM telah menubuhkan Pusat Pembangunan Perniagaan (UBC) yang bertujuan untuk mempertahankan dan menggunakan sepenuhnya penemuan hasil kajian yang berkualiti dan kepakaran teknikal. UBC merupakan "tunggak pelaburan" UPM bagi memperjelaskan komitmen UPM dari aspek pengkomersialan bidang teknologi dan membantu pegawai akademik memindahkan teknologi, keupayaan dan kepakaran mereka ke sektor industri.

UPM akan menggunakan satu konsep baru dalam menjalankan

perniagaan iaitu penubuhan kumpulan "Pembangunan dan Penyelidikan" (P&P) dengan sektor industri. Ianya bertujuan memesat dan memperkenalkan penemuan dan ciptaan baru untuk tujuan komersil. Tujuan utama UBC ialah untuk membantu menjana pendapatan kepada UPM dengan memberi peluang perniagaan kepada usahawan, kakitangan universiti dan pelajar dengan sumber tertentu bagi membolehkan mereka menjalankan perniagaan perundingan dan komersialisasi teknologi. UBC secara keseluruhannya akan memupuk semangat keusahawanan di kalangan individu.

Unit-unit UBC

Unit Pembangunan Perniagaan

Unit ini ditubuhkan untuk mengenal pasti peluang perniagaan bagi UPM, menyediakan pelan perniagaan untuk

pengkomersialan projek dan menggalakkan peluang perniagaan bagi kumpulan sasar yang telah dikenal pasti.

Unit Perundingan

Unit ini berperanan untuk mengenal pasti peluang perundingan bagi meningkatkan penglibatan perundingan di kalangan pegawai akademik UPM, menubuhkan kumpulan perunding yang terdiri dari pelbagai bidang kepakaran dari dalam dan luar UPM dan menyelaras segala aktiviti perundingan UPM.

Unit Komersialisasi Teknologi

Unit ini bertanggungjawab untuk menghubungkan UPM dengan agensi kerajaan dan sektor swasta bagi memesatkan aktiviti pengkomersialan hasil penyelidikan, menggalakkan penyelidikan kontrak dan mewujudkan peluang pemasaran produk.



- Technology Incubation Center comprising UPM-MTDC and Putra Infoport.

University Business Centre (UBC)

While acknowledging the rapid development in the corporate and economic development sectors, UPM has established the University Business Centre (UBC), a move aimed at sustaining and fully utilizing results or findings of quality research work as well as technical expertise. The UBC is UPM's investment hub, reflecting UPM's commitment to commercialize technology and to help academicians in the process of transferring technology, capability and expertise to the industrial sector.

UPM introduces a new concept in conducting business, i.e. establishing a "Development and

Research" (D&R) group with the industrial sector. This aim is to further intensify and introduce new findings and inventions for commercial purposes. The primary objective of UBC is to help generate income for UPM by offering opportunities to entrepreneurs, university staff and students to enable them to carry out consultancy and technology commercialization business. Generally, UBC instills the entrepreneurship spirit amongst individuals.

UBC Units

Business Development Unit

This unit is established to identify business opportunities for UPM, provide business plans for project commercialization and encourage business opportunities for a predetermined target group.

Consultancy Unit

This unit plays the role of identifying consultancy opportunities in order to increase the involvement of UPM's academic officers consultancy services, and to establish a consultancy group comprising of individuals from diverse expert groups, both from within and outside UPM and coordinate all consultancy activities in UPM.

Technology

Commercialization Unit

This unit is responsible for linking UPM with government agencies and the private sector for the purpose of intensifying commercialization of research findings, encouraging research contracts and creating product marketing opportunities.



Dalam usaha menghasilkan sistem pentadbiran yang berkualiti bagi mencapai wawasan untuk menjadi universiti bertaraf dunia, Universiti Putra Malaysia (UPM) memberikan penekanan yang lebih mendalam terhadap sumber manusia dan kemudahan prasarana. Ini kerana pengurusan berkualiti memerlukan pembentukan sistem yang sesuai. Proses, struktur dan yang paling utama ialah pembangunan tenaga kerja berkualiti. Penekanan kepada kualiti telah disebut oleh Y.Bhg. Naib Canselor dalam Hala Tuju UPM yang diisytiharkan pada 31 Julai 2001 dengan misi utamanya ialah untuk melaksanakan semua aktiviti pengajaran, penyelidikan dan perkhidmatan profesional berteraskan standard bertaraf antarabangsa.

Dasar kualiti yang ditegaskan ialah semua kakitangan seharusnya beriltizam ke arah kecemerlangan melalui

Pengurusan Berkualiti Quality Management



In its quest to provide an administrative system of quality which would facilitate to achieve UPM's vision to be a world class university, UPM gives extra emphasis on human resources and its infrastructure facilities. It is necessary to build a sound system of work process and most important is to develop a quality workforce. The emphasis on quality has been clearly spelt out in UPM's future direction declared on 31st July 2001 whereby its primary mission is to implement all teaching, research and professional services activities as per international standards.

The policy on quality is that the entire workforce shall strive towards excellence by applying the quality culture in teaching, research and professional services to fulfil cliental needs. Quality improvement ought to be given continuous priority in order to sustain UPM's continued excellence.

penerapan budaya kualiti dalam pengajaran, penyelidikan dan perkhidmatan profesional untuk memenuhi kehendak pelanggan. Peningkatan kualiti perlu diberikan penekanan berterusan bagi memastikan kesinambungan kecemerlangan UPM.

Sistem pengurusan kualiti ISO 9000 telah diterima sebagai asas mengenal pasti serta memantau tahap motivasi dan prestasi pegawai dalam bidang pengajaran, penyelidikan dan perkhidmatan profesional. Sistem kepastian kualiti yang memberikan penekanan kepada pencapaian prestasi berasaskan sasaran yang dirancang itu bakal mewujudkan budaya kualiti di UPM.

Pensijilan ISO 9001

Usaha UPM untuk mendapatkan pengiktirafan MS ISO 9000 adalah untuk memastikan institusi ini mempunyai cara

bekerja yang sistematik bagi menjamin kualiti kepada pelanggan. Ini terbukti apabila Fakulti Kejuruteraan UPM yang beriltizam untuk menjadi institusi kejuruteraan terulung di dunia telah menerima Sijil Pendaftaran Sistem Kualiti MS 9001 daripada Sirim Berhad. Sijil tersebut telah disampaikan oleh YAB Perdana Menteri Malaysia, Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamed pada 12 September 2001.

Pensijilan kualiti ini memberikan jaminan bahawa *input* dan *outputnya* sentiasa berada pada tahap yang diakui badan penilaian antarabangsa. Jaminan tersebut termasuklah kawalan mutu fakulti tersebut dilakukan menerusi peningkatan jumlah dan kelayakan pensyarah, pencapaian pelajar pada tahap terbaik dan kurikulum serta kemudahan pendidikan yang progresif.

Sehubungan itu, UPM telah memsasarkan untuk mencapai

pengiktirafan ISO 9000 menjelang akhir tahun 2002.

UPM kini mempunyai seramai 3,647 kakitangan yang terdiri daripada 1,541 kakitangan akademik, 209 kakitangan pengurusan dan 1,897 kakitangan kumpulan sokongan.

Tenaga Kerja Berkualiti

Program pembangunan kakitangan yang dikendalikan adalah berdasarkan tiga asas utama iaitu peningkatan motivasi, kemahiran dan kursus asas yang wajib atau induksi. Dalam masa yang sama juga pelbagai seminar, bengkel, kursus dan forum sentiasa dikendalikan sama ada di peringkat pengurusan mahupun di setiap fakulti, institut, pusat penyelidikan dan kolej kediaman.

Untuk mengeluarkan graduan berkualiti yang mampu bersaing di pasaran, tenaga pengajar juga perlu melengkapkan diri dengan ilmu yang

The ISO 9001 quality management system has been accepted as a benchmark or basis for identifying the level of staff motivation and performance such a quality verification system which emphasizes the attainment of targeted level of performance that facilitates and inculcates the quality culture in UPM.

ISO 9001 Certification

UPM's mission in attaining the MS ISO 9000 certification was to ensure that this institution has a systematic work methodology so as to ensure quality products for clients. This became a reality when the Faculty of Engineering, UPM, which has always aspired to be the foremost engineering institution in the world, attained the MS9001 Quality Systems from Sirim Berhad. The certificate was

presented by the Honorable Prime Minister of Malaysia, Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamed on 12th September 2001.

The quality certification offers assurance that its input and output will always remain at a level attested by the international evaluation board. The said assurance includes quality control at faculty level which is implemented through increasing the number and raising qualifications of lecturers, performances of students at the best level and progressive curriculum and educational amenities.

In this connection, UPM has targeted to achieve the ISO 9000 certification by the end of 2002.

Currently, UPM has 3,647 staff at various levels, comprising 1,541 academic staff, 209 management staff and 1,897 support staff.

Quality Workforce

Staff development programme is carried out based on three primary tenets, i.e. motivational enhancement, skills and the basic or compulsory induction course. Various seminars, workshops, courses and forums are held from time to time, either at the management, faculty, institute, research center or residential colleges levels.

In order to produce quality graduates who are able to compete in the market, the teaching staff will also have to equip themselves with sound knowledge so as to benefit the students. Therefore, academic staff are also sent abroad to further their studies each year, whether at the master's degree, PhD or fellowship levels so that they can in turn, improve teaching quality and conduct more research. A committed cadre of teaching staff will ensure that UPM's vision to emerge as a renowned university in the

tinggi bagi memastikan pelajar mendapat manfaat daripadanya. Oleh itu, kakitangan akademik juga dihantar untuk melanjutkan pelajaran ke luar negara setiap tahun sama ada bagi peringkat ijazah sarjana, Ph.D dan juga *fellowship* supaya mereka dapat meningkatkan kualiti pengajaran dan menjalankan lebih banyak penyelidikan. Tenaga pengajar yang berwibawa akan dapat memastikan matlamat UPM untuk muncul sebagai sebuah universiti terkemuka dan diiktiraf di rantau ini dan di peringkat antarabangsa.

Bagi membangunkan sumber manusia serta persekitaran profesional yang cemerlang, UPM menyediakan pelan tindakan yang lengkap untuk menarik serta melantik calon berpotensi serta mengekalkan tenaga kerja yang berkecayaan dan terlatih. UPM juga melanjutkan perkhidmatan pensyarah yang berkaliber, menggalak pertukaran

kakitangan secara dua hala di peringkat antarabangsa dan mewujudkan lebih banyak kerusi profesional dengan pembiayaan daripada sektor korporat.



region and at the international level be realised.

Hence, in order to develop human resources and to provide an excellent professional environment, UPM has come up with a comprehensive action plan to attract and appoint potential candidates whilst maintaining a suitably qualified and trained staff. UPM also extend the services of good lecturers and encourage two-way transfers of staff at international level while creating more professional positions or academic chairs financed by the corporate sector.



Bahagian Pembangunan bertanggungjawab untuk menyelenggara dan membangunkan prasarana dan infrastruktur kampus Universiti Putra Malaysia (UPM). Program pembangunan yang dirancang dilaksanakan selari dengan kedudukan UPM di perijiranan Putrajaya dan Cyberjaya yang menjadikan universiti ini sebagai Bandar Universiti Dalam Koridor Raya Multimedia. Lokasinya yang direntasi kemudahan sistem pengangkutan terbaru negara, ERL, menjadikan UPM universiti paling dinamik dan progresif di negara ini.


Bersesuaian dengan identiti asalnya yang berasaskan pembangunan sektor pertanian, UPM menggunakan konsep Agropolis bagi pelan induk pembangunannya. Konsep yang hanya diamalkan di bandar-bandar Perancis dan Amerika Syarikat itu diterapkan dalam pelan induk yang dilaksanakan dalam



Pengurusan Infrastruktur Infrastructure Management

The Development Division is entrusted with the duty to maintain and develop the infrastructure of UPM campus. Development projects planned for implementation in consonance with UPM's location close to neighbouring Putrajaya and Cyberjaya, create a University City within the Multimedia Super Corridor. Moreover, the nation's latest transportation facility, the ERL, which passes through this location indeed makes UPM the most progressive and dynamic university in Malaysia.

In keeping with its original identity which was based on the development of the agriculture sector, UPM utilizes the Agropolis concept in implementing its development master plan. The concept, which is only practised in towns in France and USA, is incorporated in the master plan and implemented in its development programme including aspect of Genetics Sources, Botanical



program pembangunannya termasuk dari segi Sumber Genetik, Taman Botani dan Kajian Pembangunan dan Penyelidikan Golf. Konsep ini juga merangkumi:

- Sempadan Prasarana Umum
- Kajian Ekologi Tanaman dan Haiwan Ekuatik
- Muzium Pertanian Hidup
- Pusat Perkebunan Universiti
- Muzium Statik
- Pusat Agroteknopreneur

Sehingga kini, dengan keluasan 1,200 hektar, kampus UPM telah menggunakan sepenuhnya kawasan tersebut dengan pelbagai projek yang dibangunkan sejak penubuhannya 70 tahun lalu. Di samping itu dengan pembinaan Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan UPM, selain memuatkan bangunan pentadbiran, akademik dan 14 kolej kediaman pelajar, UPM akan

mempunyai Bandar Perubatannya sendiri di samping Zon R&D, Sukan dan Rekreasi.

Sehingga bulan Disember 2001 semua projek yang dirancang dalam Rancangan Malaysia Ke-7, sebanyak RM400 juta telah dibelanjakan untuk pelbagai projek pembangunan yang kini dalam pembinaan dan akan siap mengikut jadual yang ditetapkan. Pencapaian cemerlang Bahagian Pembangunan mengurus peruntukan Rancangan Malaysia Ke-7, meyakinkan kerajaan meluluskan peruntukan yang sama iaitu sebanyak RM400 juta untuk projek Rancangan Malaysia Ke-8 (2001 - 2005). Dalam Rancangan Malaysia Ke-8 Bahagian Pembangunan akan melaksanakan pembangunan berdasarkan misi dan wawasan Universiti Putra Malaysia yang mengutamakan pembangunan R&D, kemajuan sumber tenaga manusia, pengetahuan, rekreasi dan lanskap yang indah.



Gardens and Golf Development & Research Studies. This concept also entails the following:

- Boundaries of Common Infrastructure
- Plant and Aquatic Life Ecology Studies
- Live Agriculture Museum
- University Farming Centre
- Static Museum
- Agro-Technopreneur Centre

To date, the UPM campus which sits on a land of 1,200 hectares, has fully utilized the area for various projects which have been developed since its inception 70 years ago. In addition, with the construction of the Faculty of Medicine and Health Sciences and besides accommodating its administration building, academic infrastructure and 14 student residential colleges, UPM will also have its own

Medical Town and the R&D, Sports and Recreation zone.

As at December 2001, a total of RM400 million has been spent on various development projects which are under the 7th Malaysia Plan and expected to be completed as scheduled. Sound management practices by the Development Division in managing allocation for the 7th Malaysia Plan has convinced the Government to approve an allocation of another RM400 million under the 8th Malaysia Plan (2001 - 2005). Under the 8th Malaysia Plan, the Development Division will implement development programmes based on UPM's vision and mission which prioritise R&D development, human resources development, knowledge enhancement, recreation and captivating landscaping.



Perpustakaan Universiti Putra Malaysia (UPM) terus cemerlang dalam memastikan kualiti sistem pengurusan bahan dan perkhidmatannya berkembang selaras dengan perkembangan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT). Usaha ini membolehkan warga UPM menggunakan teknologi terkini bagi memenuhi keperluan maklumat dalam pengajaran, pembelajaran dan penyelidikan masing-masing.


Dalam usaha untuk menyediakan lebih kemudahan berkualiti kepada pelajar dalam era ICT, pada bulan November 2001 Perpustakaan UPM telah membina sebuah Makmal Komputer dengan kemudahan 32 komputer peribadi. Dengan kewujudan makmal ini, pelajar berpeluang melayari internet untuk mendapatkan maklumat dan mengakses semua pangkalan data yang terdapat di dalam Perpustakaan



Sumber Informasi Source of Information

The Universiti Putra Malaysia (UPM) library has been outstanding in its efforts to ensure that its material management system is of quality and its services develop concurrently with the rapid progress in the field of Information Technology and Communication (ICT). This has enabled the UPM community to benefit from the state-of-the-art technology to meet their needs in the process of teaching, learning and research.

As part of its efforts to provide more value-added facilities to students in this ICT-era, the UPM Library has in November 2001 established a Computer Laboratory equipped with 32 personal computers. Students can now surf the net to retrieve information while having access to all database available in the UPM Library, whether in the form of CD-ROM, internal database or on-line database.



UPM sama ada dalam bentuk CD-ROM, pangkalan data dalaman mahupun pangkalan data dalam talian.

Perpustakaan UPM juga telah menambah rekod-rekod untuk pangkalan data dalaman yang dibina beberapa tahun lalu. Sehingga 31 Disember 2001, jumlah rekod yang boleh diakses di dalam pangkalan data dalaman ialah:

- AGRIMAL – 21,239
- MAKMAL – 60,472
- FAMILY – 4,179
- WMS – 7,611
- HRC – 6,026
- SMI – 2,946

Manakala bagi membolehkan pengguna mengakses sumber maklumat dalam talian melalui internet, Perpustakaan UPM sehingga akhir tahun 2001 telah melanggan sebanyak 19 pangkalan data yang membolehkan pengguna mengakses lebih 8,000

jurnal antarabangsa. Di samping itu, pengguna masih terus boleh mengakses pangkalan-pangkalan data dalam negara seperti NSTP e-media, PALMOILIS dan SIRIMLINK.

Bagi pangkalan data CD-ROM, Perpustakaan kini mempunyai 27 judul yang merangkumi pelbagai bidang pengajaran atau penyelidikan, termasuklah pangkalan data yang dihasilkan oleh *Commonwealth Agricultural Bureau (CAB)* dan *Institute for Science Information (ISI)*. Perpustakaan UPM juga mempunyai judul-judul CD terkini dalam bidang-bidang :

- Kejuruteraan
- Komputer dan Teknologi
- Fizik
- Sains Kimia dan Tanah
- Pertanian
- Biologi dan Sains Persekitaran
- Sains Hayat
- Sains Klinikal



The UPM Library has also increased records for internal database compiled a couple of years ago. As at 31 December 2001, the total number of records accessible in the internal database is as follows:


- AGRIMAL – 21,239
- LABORATORY – 60,472
- FAMILY – 4,179
- WMS – 7,611
- HRC – 6,026
- SMI – 2,946

Meanwhile, as at the end 2001, in order to offer access to information through the internet, the UPM Library has subscribed to 19 databases providing access to more than 8,000 international journals. In addition, users may still have access to our local databases such as NSTP e-media, PALMOILIS and SIRIMLINK.

As for CD-ROM database, the UPM Library now has 27 titles incorporating

various fields of teaching or research, including data base produced by the Commonwealth Agricultural Bureau (CAB) and the Institute for Science Information (ISI). The Library possesses the latest CD titles in the following fields:

- Engineering
- Computer and Technology
- Physics
- Chemical Science and Soil
- Agriculture
- Biology and Environmental Science
- Life Sciences
- Clinical Sciences



Sempena Sambutan 70 Tahun UPM

Tanggal 21 Mei 2001 menandakan genaplah 70 tahun kewujudan Universiti Putra Malaysia (UPM). Dengan gabungan tenaga staf, kira-kira 3,647UPM sehingga kini telah melahirkan sejumlah 69,013 graduan yang cemerlang dalam pelbagai bidang. Dengan tema sambutan 'Jejak-jejak Kegemilangan' UPM pasti akan mencapai matlamatnya menjadi Institusi pengajian tinggi yang unggul hingga ke peringkat antarabangsa.

Tujuan Sambutan

- Menonjolkan kewibawaan UPM sebagai Institusi Pengajian Tinggi yang banyak melahirkan pemimpin masyarakat yang cemerlang dan berdaya saing.
- Memaparkan jejak-jejak kegemilangan dari aspek pengajaran,



Jejak Kegemilangan

Path To Excellence

In Conjunction with UPM's 70th Anniversary

21st May 2001 marks the 70th year since the inception of Universiti Putra Malaysia (UPM). With a combined workforce of approximately 3,647 to date, UPM has produced 69,013 excellent graduates in various fields of study, hence it is confident of emerging as an outstanding and internationally renowned institute of higher learning in line with its quest – 'Path to Excellence'.

Objectives of Celebration

- (i) Highlighting UPM's integrity as an institution of higher learning which is able to produce excellent and competitive leaders of the community.
- (ii) Projecting past excellences in teaching, research and professional services in developing UPM from its humble beginnings as a School of



penyelidikan dan khidmat profesional dalam pembangunan UPM dari bermulanya penubuhan Sekolah Pertanian Malaya (1931) sehingga Universiti Putra Malaysia.

- Mengekalkan semangat berpasukan, bekerjasama, dan kekitaan di kalangan warga kampus dan alumni UPM.
- Membawa kembali alumni ke kampus bagi mengingati perjuangan dalam mengharungi cabaran dunia akademik di samping mengekalkan pakatan strategi dalam menjayakan wawasan UPM.
- Meneliti kejayaan dan pencapaian dalam bidang-bidang pengajaran, penyelidikan dan khidmat profesional dan merancang arah tuju UPM selaras dengan perancangan strategi Universiti.

Menyingkap Sejarah

Sekolah Pertanian Malaya dirasmikan oleh John Scott, Pegawai Pentadbir

Negeri-negeri Selat pada 21 Mei 1931. Institusi pendidikan yang ditubuhkan ini memberi tumpuan dan penekanan kepada pengajian dalam bidang pertanian dan ditubuhkan untuk memenuhi keperluan tenaga kerja di Jabatan Pertanian ketika itu.

Sebagai permulaan, hanya dua program ditawarkan iaitu pengajian diploma selama tiga tahun dan kursus sijil selama setahun. Selepas 10 tahun menyediakan peluang pendidikan, Sekolah Pertanian Malaya berjaya melahirkan 155 pemegang diploma dan 166 lulusan sijil.

Hasrat menaikkan taraf sekolah berkenaan kepada kolej hasil kesedaran tentang kepentingan peranan dan kemajuan sekolah berkenaan dilaksanakan oleh Gabenor Kesatuan Malaya, Sir Edward Grant yang merasmikan Kolej Pertanian Malaya pada 23 Jun 1942. Menjelang ulang tahun

Jubli Perak Ke-25, Kolej Pertanian Malaya pada tahun 1956 telah mengeluarkan sejumlah 699 pelajar iaitu 288 pemegang Diploma Pertanian dan 411 pemegang Sijil Pertanian.

Atas kecemerlangan Kolej tersebut, mendapat perhatian, maka timbul cadangan pada 1948 untuk menaikkan tarafnya kepada universiti. Penubuhan Fakulti Pertanian Universiti Malaya pada 1960 merupakan titik tolak kepada pembentukan UPM kerana penubuhan fakulti tersebut mengambil kira peranan Majlis Kolej Pertanian Malaya dengan pelantikan kolej tersebut sebagai salah satu pihak berkuasa universiti berkenaan pada 1 Januari 1962.

Kemajuan dan pembangunan pertanian dan pengenalpastian pertanian sebagai tunjang ekonomi menyerlahkan hasrat dan kepentingan memperkembang Kolej Pertanian Malaya. Hasilnya pada 31 Mac 1969,



Agriculture (1931) to the current Universiti Putra Malaysia, a premier institution of learning of today.

- (iii) Maintaining excellent team spirit, cooperation and a sense of oneness amongst the campus community and UPM alumni.
- (iv) 'Bringing home' members of the Alumni to the Campus to reminisce past challenges in the academic world while sustaining a strategic alliance in the realisation of UPM's mission.
- (v) Scrutinizing the success and achievements in teaching, research and professional services while charting UPM's future direction in line with its strategic planning.

A Peek into UPM History

The opening of the School of Agriculture Malaya was officiated by John Scott, the Administrator of The Straits Settlement

on 21st May 1931. It was established to give particular attention and focus to studies in the field of agriculture as well as to meet the manpower requirements of the then Department of Agriculture.

In the beginning, only two programmes were offered – a three-year Diploma and a one-year Certificate course. After 10 years of providing educational opportunities, the School of Agriculture Malaya succeeded in producing 155 diploma and 166 certificate holders.

The vision to upgrade the school to a college was realised by the Governor of Malayan Union, Sir Edward Grant who officiated the opening of the College of Agriculture Malaya on 23rd June 1942. By its 25th Silver Jubilee Celebrations in 1956, the College of Agriculture Malaya had produced a total of 699 graduates of which 288 were holders

of Diploma in Agriculture and 411 holders of Certificate in Agriculture.

The excellence of the College had not gone unnoticed, thus paving the way in 1948 for it to be upgraded to a university. The establishment of the Faculty of Agriculture, University of Malaya in the year 1960 actually was the starting point towards the formation of UPM. This was evident when on 1st January 1962 the council for the College of Agriculture Malaya was observed as an authority of the University of Malaya.

The advancement and development of agricultural pursuits and the acknowledgement of agriculture at the core of the national economy augured well for the calling of concerted efforts to further enhance and expand the College of Agriculture Malaya. As a result, on 31st March 1969, the then Deputy

Timbalan Perdana Menteri Malaysia, Yang Amat Berhormat Tun Hj. Abdul Razak Tun Hussein telah mencadangkan supaya Kolej Pertanian dinaik taraf kepada sebuah universiti.

Sehubungan itu, pada Mei 1969, Menteri Pelajaran Malaysia, Yang Berhormat Datuk Haji Abdul Rahman Yaakub telah menyiapkan memorandum menubuhkan Universiti Pertanian Malaysia. Dr. Mohd. Rashdan Haji Baba telah diberi penghormatan sebagai Naib Canselor.

Universiti Pertanian Malaysia pada tanggal 23 Julai 1973, bersama 1,559 pelajar memulakan sesi akademik yang pertama dengan tiga fakulti asas iaitu Fakulti Pertanian, Fakulti Perhutanan dan Fakulti Kedokteran Veterinar dan Sains Peternakan serta satu Bahagian Sains Asas. Manakala, empat tahun kemudian, Universiti Pertanian Malaysia telah mengadakan

Majlis Konvokesyen Pertamanya pada 30 Julai 1977.

Pegangan falsafah “ilmu untuk berbakti,” asas operasi Universiti Pertanian Malaysia adalah berpandukan kepada tiga kegiatan utama, iaitu pengajaran, penyelidikan dan pengembangan. Maka itulah Universiti Pertanian Malaysia memfokus kepada penerokaan pelbagai bidang penyelidikan yang memberikan sumbangan ke arah mutu kehidupan yang lebih baik, keperluan masyarakat terhadap pengeluaran makanan berasaskan tanaman dan haiwan dengan lebih cekap serta persekitaran yang lebih bersih dengan penggunaan sumber-sumber yang berdaya kekal. Di samping itu, universiti ini meneroka perkembangan teknologi komputer dengan menjanakannya dalam pengajaran, pentadbiran dan kegiatan penyelidikan.

Beriltizamkan kecemerlangan dalam pendidikan bagi melahirkan individu pemikir yang berilmu, kreatif dan berdisiplin, Universiti Pertanian Malaysia berhasrat menjadi pusat pembelajaran dan penyelidikan unggul dan ulung yang menyumbang kepada kemajuan manusia dan penerokaan ilmu di samping pembentukan kekayaan dan pembangunan negara.

Universiti Pertanian Malaysia sekali lagi mengalami titik perubahan bersejarah apabila Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Malaysia, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamed pada 3 April 1997 mengisytiharkan nama Universiti Putra Malaysia (UPM) sebagai menggantikan Universiti Pertanian Malaysia.

Pengisytiharan tersebut merupakan pemangkin kepada proses transformasi ke arah institusi pendidikan tinggi multidisiplinari negara yang mampu bersaing di peringkat antarabangsa.



Prime Minister of Malaysia, YAB Tun Hj. Abdul Razak Tun Hussein proposed that the College of Agriculture be upgraded to a university.

Consequently, in May 1969, the Minister of Education, Malaysia, YB Datuk Haji Abdul Rahman Yaakub completed a memorandum of establishment of Universiti Pertanian Malaysia and Dr. Mohd. Rashdan Haji Baba was given the honour to be the Vice Chancellor.

On 23rd July 1973, Universiti Pertanian Malaysia, with 1,559 students, commenced the maiden academic session in three core faculties, i.e. Faculty of Agriculture, Faculty of Forestry and Faculty of Veterinary Medicine and Animal Science and a Basic Science Division. Four years later, Universiti Pertanian Malaysia held its First Convocation Ceremony on 30th July 1977.

The philosophy of Universiti Pertanian Malaysia which is “knowledge to serve,” is based on three primary activities, i.e. teaching, research and extension. Therefore, UPM strived hard in focusing on exploratory work in various fields of research which contributed to a better quality of life, the community’s requirement for food production based on plants and animals, and a cleaner environment using permanent resources. In addition, the University also explored the rapid advancement of computer technology by generating it in teaching, administration and research activities.

UPM aims to be a leading Center of Learning and Research contributing not only towards human advancement and discovery of knowledge but also to the creation of wealth and nation building. UPM once again made history when on 3rd April 1997, the Prime Minister, Datuk

Seri Dr. Mahathir Mohamed declared the change of name from ‘Universiti Pertanian Malaysia’ to ‘Universiti Putra Malaysia’ (UPM). Inevitably, the declaration served as a transformation catalyst to make UPM a multi-disciplinary institution of higher learning at par with other institutions worldwide. The change of name is also seen as a strategic move which reflects the position of UPM as an institution of higher learning which offers various up-to-date studies including Information Technology (IT) with special focus placed on the field of agriculture.

Agriculture Technology Excellence

There has been no change in the emphasis given by Universiti Putra Malaysia (UPM) on agriculture although there is no more reference to the word “pertanian” which means “Agriculture”. This is because the field of agriculture

Perubahan nama itu juga merupakan langkah strategik yang mencerminkan kedudukan UPM sebagai institusi pengajian tinggi yang menawarkan pelbagai pengajian terkini, termasuk teknologi maklumat (IT) di samping penumpuan kepada bidang pertanian.

Kegemilangan Teknologi Pertanian

Penekanan kepada bidang pertanian masih diteruskan oleh Universiti Putra Malaysia (UPM) walaupun tiada lagi rujukan "pertanian" setelah 70 tahun tertera pada namanya. Ini kerana bidang pertanian adalah teras dan tujuan asal penubuhannya. Malahan, disiplin berasaskan bidang pertanian akan terus diperkukuh mengikut dasar kerajaan dan keperluan masyarakat.

UPM terus membantu memodenkan sektor pertanian selaras dengan hasrat kerajaan dalam Rangka Rancangan

Jangka Panjang Ketiga (RRJP3) menjadikan pertanian terutama pengeluaran bahan makanan sebagai sumber pertumbuhan ekonomi yang ketiga selepas elektronik dan perkhidmatan. Dengan itu, kerajaan menerusi Kementerian Pertanian mahu menjadikan sektor pertanian negara sebagai industri yang menguntungkan dan menggunakan teknologi maju. Sehubungan itu, salah satu matlamat Pelan Strategi 10 tahun UPM (2001-2010) ialah meningkatkan keupayaan UPM dalam penjana ilmu pertanian yang baru serta menghasilkan produk atau teknologi inovatif melalui penyelidikan.

Pengalaman dan latar belakang UPM selama 70 tahun dalam bidang pertanian, memungkinkan peningkatan keupayaan pengeluaran tenaga mahir dan penyelidikan dalam semua aspek bidang tersebut. Pengeksplotasian

peralatan moden seperti teknologi maklumat dan komunikasi (ICT), di samping kejuruteraan pertanian berupaya meningkatkan produktiviti pengeluaran makanan.

Di samping itu, UPM mempunyai fakulti-fakulti dan institut penyelidikan yang khusus untuk membantu kerajaan membangun dan memodenkan sektor pertanian negara seperti Fakulti Pertanian, Fakulti Perhutanan, Fakulti Perubatan Veterinar dan Fakulti Sains Makanan dan Bioteknologi. Selain itu, UPM juga mempunyai Institut Biosains yang memberi tumpuan kepada penyelidikan dalam bidang penghasilan baja baru, vaksin, pemantauan kesuburan tanah menggunakan satelit, penghasilan makanan haiwan yang lebih baik dan benih pokok yang tahan penyakit atau cepat membesar, ubat herba, makanan kesihatan dan sebagainya.



forms the core and original objective of its establishment, hence agriculture-based disciplines shall be continually reinforced in response to governmental policies as well as the requirements of the community.

UPM continues to assist in modernizing the agricultural sector in line with the aspirations of the government in the Third Long Term Plan Outline (RRJP3) making agriculture (especially food production) the third most important source of economic growth after electronics and services. Therefore, the government, through the Ministry of Agriculture, intends to make the national agriculture sector a profitable industry accompanied with the exploitation of advanced technology. In that light, one of the objectives of the UPM 10-Year Strategic Planning (2001-2010) is the enhancement of

UPM's capacity in generating new agricultural knowledge and producing innovative products or technology via research.

UPM's 70 years of experience and strong foothold in the field of agriculture makes it possible to enhance its production of skilled manpower and research in all aspects of the field. The exploitation of modern equipment such as the Information Technology and Communications (ICT) and innovative agriculture engineering are also instrumental in improving the productivity of food.

